



KENYATAAN MEDIA **UNTUK SIARAN SEGERA**

PTPTN DAN HARIAN METRO BANTU 200 PELAJAR DI PULAU PINANG MENERUSI PROGRAM TITIPAN KASIH *BACK TO SCHOOL*

Pulau Pinang, 21 Mac 2024 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) buat julang kalinya telah bekerjasama dengan Harian Metro melalui Program Titipan Kasih *Back To School*.

Program ini merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang diadakan setiap tahun oleh PTPTN. Tujuan program ini diadakan untuk membantu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dan meraikan pelajar yang melangkah masuk ke sesi baharu persekolahan dengan kelengkapan set pakaian serta beg sekolah yang baharu.

Program Titipan Kasih *Back To School* Bersama PTPTN dan Harian Metro telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, Pulau Pinang dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Encik Husain Jahit, Pengarang Kumpulan Harian Metro merangkap Pengerusi Projek Titipan Kasih Harian Metro, YBrs. Encik Fadzil bin Sadikin, Ketua Penolong Pengarah, Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Encik Azlan Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pejabat Pengerusi, Media Prima Berhad, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN serta Encik Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.

Program Titipan Kasih *Back To School* Bersama PTPTN dan Harian Metro ini memberi manfaat kepada 200 orang pelajar dari dua (2) buah sekolah terpilih di Pulau Pinang iaitu Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam dan Sekolah Kebangsaan Sri Aman. Melalui program ini, pelajar asnaf akan menerima bantuan set pakaian sekolah serta beg sekolah berjumlah RM35,000 sumbangan daripada PTPTN. Manakala pihak Media Prima Berhad pula turut memberikan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime berjumlah RM20,000 di mana setiap pelajar akan menerima RM100.00 setiap seorang. Bagi memastikan bantuan yang diberikan dinikmati oleh golongan sasaran, program ini turut melibatkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terpilih.

Selain itu, sempena bulan Ramadan yang penuh rahmat ini, PTPTN juga berbesar hati mengagihkan 1,000 pek bubur lambuk kepada semua tetamu jemputan yang hadir dan penduduk sekitar.

YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Di sebalik fungsi utama PTPTN dalam memperkasa agenda pendidikan tinggi negara, PTPTN juga sentiasa prihatin dalam menyalurkan sumbangan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik melalui pelaksanaan program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Usaha murni ini dilaksanakan secara berterusan agar masyarakat tidak tercicir daripada arus pendidikan disebabkan masalah kewangan.”

“Saya berharap melalui sumbangan ini dapat membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dalam menguruskan keperluan anak-anak pada sesi persekolahan baharu ini. Semoga simpanan yang diberikan dapat memberi motivasi kepada ibu bapa untuk menyediakan tabung pendidikan yang terbaik demi masa depan anak-anak,” tambah beliau lagi.

Sementara itu, YBhg. Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad berkata, “Besarnya harapan kami semoga sumbangan yang diberikan pada hari ini dapat membantu pelajar-pelajar sekolah serta ibu bapa mereka. Semoga sumbangan dan pembukaan akaun Simpan SSPN ini menjadi titik permulaan kepada pelajar-pelajar untuk menabung dan merancang untuk pendidikan tinggi di masa hadapan.”

“Kami di Media Prima sentiasa komited dalam melaksanakan program-program seperti Titipan Kasih Harian Metro yang mampu menghubungkan sektor korporat dengan komuniti-komuniti di seluruh negara. Pelbagai jenis aktiviti kemasyarakatan dan sumbangan bantuan, baik di peringkat Harian Metro mahupun Media Prima, kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa telah dan akan terus dilaksanakan,” ujarnya lagi.

PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan dijamin kerajaan.

PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang merupakan peneraju tabung pendidikan tinggi negara akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan *tagline* PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

- i. Puan Hasliza binti Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 - 354 2388)
- ii. Cik Noor Asila binti Mohd Noor (asila@ptptn.gov.my / 012 - 596 3437)